



Laporan Pengembaraan GISO EKSKLUSIF 2020:  
Bright to Shine

Tarikh:  
6-11 Februari 2020

Destinasi:  
Satun & Hat Yai , Thailand

Anjuran:  
Bahagian Hal Ehwat pelajar (BHEP)

Bilangan Pelajar:  
21 Orang

Pengarah Program:  
Azim Zaim bin Azlin

Nama Pegawai Pengiring:  
Irwan Effendy Bin Abu Bakar

TUHAABINNYAH 20/10/2020

## 1.0 Laporan Program

THAILAND, 5 FEBRUARI – Seramai 14 orang Mahasiswa USIM bersama seorang pegawai pengiring iaitu Encik Irwan Effendy Bin Abu Bakar telah menjalankan misi kemanusiaan bagi menyantuni anak yatim yang berada di perkampungan Satun, Thailand. Kembara GISO bermisik "Bright to Shine" ini berlangsung selama 6 hari bermula 6 Februari sehingga 11 Februari. Misi ini telah diketuai oleh saudara Azim Zaim bin Azim.

Wilayah Satun merupakan satu daripada 76 wilayah di Thailand. Wilayah yang bersempadan negeri Perlis di Malaysia mempunyai 400 000 penduduk meliputi tujuh mukim. Daripada jumlah itu 80 peratus penduduknya merupakan beragama Islam

Pada hari pertama perjalanan, seawal 9.00 malam mahasiswa telah berkumpul di Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Pelajar, USIM bagi persiapan terakhir sebelum bertolak ke sempadan Malaysia-Thailand. Tepat jam 11.30 malam bas USIM yang membawa para pelajar bertolak ke destinasi yang dituju. Bas berhenti pada pukul 2.30 a.m di RNR Gopeng untuk berehat seketika sebelum menyambung perjalanan. Kira-kira jam 6.30 a.m pagi. Kami tiba di Gurun untuk menunaikan solat subuh dan menyambung perjalanan ke Bukit Kayu Hitam untuk mengambil insurans Thailand kepada parapelajar. Bas tiba di sempadan Malaysia- Thailand pada pukul 11.30 pagi (waktu Malaysia). Setelah selesai urusan passport, kami menuju ke Rumah Anak Yatim Emirates pada pukul 11.30 pagi (waktu Thailand).

Setelah tiba di Rumah Anak Yatim Emirates. Para pelajar diberi sedikit taklimat mengenai rumah anak yatim tersebut oleh Pengetua rumah anak yatim tersebut iaitu Ustaz Yahya. Setelah usai taklimat kami terus melakukan aktiviti GISO "Light to Bright" iaitu memasang lampu solar di sekeliling rumah anak yatim tersebut. Mereka amat gembira dengan kehadiran kami ke sana. Setelah usai memasang lampu solar, para peserta GISO melakukan aktiviti "Standing in the eyes of the world" bersama anak yatim di rumah tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertukaran bahasa. Kami mengajar anak yatim Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Mereka sangat seronok dengan aktiviti yang dianjurkan oleh fasilitator USIM. Sebelum meninggalkan rumah anak yatim, kami sempat menyampaikan sedikit cenderahati daripada pihak USIM sebagai tanda ucapan terima kasih kerana sudi menerima kunjungan kami. Setelah itu, kami juga sempat merakam beberapa keping foto untuk kenangan pada masa akan datang. Perjalanan diteruskan menuju ke tempat penginapan iaitu Engthan Resort. Kami berehat dan solat jamak di tempat penginapan. Pada waktu petang, aktiviti diteruskan dengan menyantuni penduduk tempatan di samping

berkongsi maklumat tentang USIM dan Malaysia. Aktiviti menyantuni penduduk tempatan berakhir pada jam 7.00 malam.

Pada hari ketiga, tepat jam 8.45 pagi. Para peserta mendaftar keluar dari tempat penginapan dan bergerak ke destinasi seterusnya. Aktiviti "Let's See the Magic" merupakan aktiviti kelestarian alam yang bertempat di beberapa pulau kecil di Satun. Dalam aktiviti ini, para peserta melakukan aktiviti mengutip sampah sarap di sekitar kawasan pantai dan pulau. Para peserta juga didedahkan dengan kebaikan menjaga alam sekitar dan kepentingan alam sekitar kepada penduduk tempatan dan pelancong yang berkunjung ke tempat tersebut.

Perjalanan keesokkannya diteruskan lagi seawal jam 8.30 pagi pada 8 Februari 2020, kami telah daftar keluar daripada SeeSea Resort dan meneruskan perjalanan menuju ke Hatyai, Thailand. Perjalanan tersebut memakan masa selama 7 jam perjalanan untuk sampai ke Hatyai, Thailand. Dalam perjalanan menuju ke Hatyai, kami singgah di Tangkuan Hill pada jam 11.30 sehingga 12.30 tengahari untuk melihat dan menikmati suasana disitu. Selepas itu, kami meneruskan lagi perjalanan dan singgah di Samila Beach selama satu jam dari 1.00 hingga 2.00 tengahari untuk melihat pemandangan pantai yang indah yang sarat dengan sejarah itu. Tambahan pula, kami sempat beramah mesra dengan masyarakat yang menjual disekitar pantai itu. Selepas itu, kami singgah untuk menunaikan solat zohor disebuah masjid yang terletak bersebelahan dengan pantai. Sesudah selesai menunaikan solat zohor, kami menyambung lagi perjalanan menuju ke Hatyai. Sesampainya kami disana pada jam 3.30 petang di Hatyai dan menuju ke Floating market untuk bersiar-siar dan makan tengahari. Pada jam 6.00 petang kami selamat sampai di Friendly Hotel untuk mendaftar masuk ke hotel tersebut.

Keesokannya, pada jam 9.00 pagi, kami bertolak dari hotel ke Kayson dan tiba di Kayson pada jam 9.30 pagi, maka bermulalah aktiviti kami iaitu 'Serpent Dragon, Two Seas Garden'. Setibanya di Kayson, kami diberi masa selama 40 minit untuk mencari dan membeli buah tangan untuk dibawa pulang kepada keluarga dan saudara mara di Malaysia. Kemudian, pada pukul 10.30 pagi, kami meneruskan ekspedisi ke Ranu Kohyo, Songkhla yang merupakan salah satu kilang kacang di Hatyai. Terdapat pelbagai jenis kacang serta makanan kering dijual di kilang tersebut antaranya kacang gajus, kacang dalam tin Koh Kae, snek rumpai laut, biskut jejeri berperisa Pocky. Seterusnya, pada jam 11.45 pagi, kami melawat ke Big Bee Farm iaitu tempat pemprosesan lebah bagi memperoleh khasiatnya. Sesampainya kami di sana, kami berkumpul di Bilik 1 bagi mendengar taklimat dan penerangan tentang bagaimana untuk memastikan keaslian madu, jenis-jenis lebah serta

produk yang dihasilkan daripada lebah itu sendiri. Kami berpeluang merasa air madu yang dijamu dan mencuba propolis yang didemokan kepada kami. Setelah selesai sesi penerangan, para peserta membeli produk keluaran mereka yang diproses daripada lebah dan ada juga yang sempat mencuba aiskrim madu yang turut dijual di situ. Pada jam 12.30 tengahari, kami meneruskan lagi perjalanan ke destinasi seterusnya iaitu Chang Puak Camp. Pada jam 1.00 petang, kami tiba di Chang Puak Camp, suatu tempat yang terkenal bagi aktiviti 'elephant riding' yang mana gajah merupakan haiwan simbolik bagi Thailand. Terdapat pelbagai aktiviti yang disediakan di sini antaranya menaiki gajah, pertunjukan gajah, beri makan anak gajah, bergambar dengan singa putih, pertunjukan buaya dan ia dibuka dari 8 pagi sehingga 5 petang. Pada jam 3.30 petang, kami menikmati pelbagai juadah Siam di Alif Seafood secara buffet. Pelbagai hidangan tersedia seperti berbagai jenis kerabu, somtam, daging, ayam dan seafood panggang, berbagai jenis mi, buah-buahan, minuman serta manisan. 3-4 orang peserta berkongsi satu meja bagi sama-sama membakar daging, ayam dan seafood untuk dinikmati bersama. Kami mengambil masa selama 2 jam di Alif Seafood kemudian selepas tersandar kekenyangan, kami bergerak pulang ke hotel pada jam 5.30 petang.

Pada hari terakhir, kami mendaftar keluar dari hotel pada jam 9.00 pagi. Setelah selesai urusan di hotel, kami terus bertolak pulang ke Malaysia. Bas sempat singgah di Dannok untuk istirehat dan membeli sedikit buah tangan untuk dibawa pulang. Kami tiba di imigresen Thailand pada jam 12 tengah hari untuk urusan passport. Setelah itu, kami meneruskan perjalanan ke USIM dan tiba di USIM pada pukul 12 tengah malam. Semua peserta pulang ke rumah masing - masing dengan selamat.

## 2.0 Laporan Kewangan Program:

### 2.1.Laporan Pendapatan

### 2.2 Laporan Perbelanjaan

#### A. SUMBER PENDAPATAN

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Peruntukan HEP	RM 2,500
2.	Yuran Antarabangsa (RM450x21)	RM 9,450.00
3.	Penajaan dan sumbangan	RM 620.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 12,450.00</b>

#### B. PERBELANJAAN

BIL	PERKARA	JUMLAH
<b>1</b>	<b>PERBELANJAAN DI THAILAND</b>	
<b>2</b>	<b>Penginapan</b> RM200 X 6 bilik X 4 Malam	<b>RM 4,800.00</b>
<b>3</b>	<b>Makan</b> RM30 X 21 orang X 4 Hari	<b>RM2,520.00</b>
<b>4</b>	<b>Baju Program</b> RM30 x 21 orang	<b>RM 630.00</b>
<b>5</b>	<b>Insuran</b> RM20 x 21 orang	<b>RM 420.00</b>
<b>6</b>	<b>Publisiti</b> Banner, Flyer, Bunting	<b>RM 500.00</b>
<b>7</b>	<b>Cenderamata</b>	<b>RM 500.00</b>
<b>8</b>	<b>Keperluan Program (PROJEK DAN PROGRAM)</b>	<b>RM 2,200.00</b>
<b>9</b>	<b>Pengangkutan 3 buah Bas (USIM-Bukit Kayu Hitam)</b>	<b>HEP</b>
<b>10</b>	<b>Kontigensi</b>	<b>RM1,000.00</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>RM 12,570.00</b>

3.0 SOFCOPY FOTO AKTIVITI

4.0 SOFTCOPY VIDEO

5.0 RINGKASAN AKTIVITI

BIL	TARIKH & TEMPOH (JAM)	TEMPAT	KOMPONEN GISO (Libatsama Masyarakat, Kelestarian Alam, Pertukaran Ilmu, Pertukaran Budaya)	TAJUK PROGRAM
1.	6 FEBRUARI 2020 9.00 PAGI – 2.00 PETANG (5 JAM)	Emirate Orphanage House	Libatsama Masyarakat Pemindahan Ilmu Pertukaran Budaya	<b>Standing in the eyes of the world</b> Slot beramah mesra dengan anak yatim Bertukar budaya antara dua negara Sesi pengajaran perkara asas Bahasa Inggeris
2.	6 FEBRUARI 2020 9.00 PAGI – 2.00 PETANG ( 5 JAM )	Emirate Orphanage House	Libatsama Masyarakat	<b>Light to Bright</b> Projek pemasangan lampu solar di sekitar Kawasan rumah anak yatim
3.	6 FEBRUARI 2020 4.00 PETANG – 6.00 PETANG (2 JAM)	Engthan Resort	Libatsama Masyarakat	<b>You can count on me</b> Program menyantuni penduduk tempatan dan saling bertukar pandangan mengenai dua negara
4.	7 Februari 2020 (7 jam) 9.00 pagi – 4.00 petang	Prasat Hin Pun Yod	Kelestarian Alam	<b>“ Let’s See the Magic ”</b> Program alam sekitar di kawaan Geopark di samping membersihkan kawasan pantai dan sekitar

## 5.1 Gambar Aktiviti



**Gambar 1 :Anak yatim khusyuk mendengar tentang aktiviti yang akan dijalankan**



**Gambar 2 : Mahasiswa USIM menerangkan aktiviti yang akan dijalankan**



**Gambar 3 : Aktiviti pemindahan ilmu antara peserta GISO dan anak yatim**



**Gambar 4: Peserta GISO memasang lampu solar di sekitar Rumah Anak Yatim Emirates**





Gambar 5 : Aktiviti memasang lampu solar "Light to Bright"



Gambar 6 : Sumbangan cenderahati daripada pihak USIM kepada Rumah Anak Yatim Emirates




Gambar 7 : Foto kenangan sebelum meninggalkan rumah anak yatim



Gambar 8 : Mahasiswa membersihkan sampah sarap yang ada di tepi pantai



Gambar 10: Para peserta diberi taklimat tentang kepentingan menjaga alam sekitar di kawasan tarikan pelancong .



Gambar 10: Para peserta diberi taklimat tentang kepentingan menjaga alam sekitar di kawasan tarikan pelancong .

## 6.0 SENARAI NAMA PESERTA GISO "BRIGHT TO SHINE"

BIL	NAMA PENUH	NO. MATRIKS	NO. IC	JAWATAN
1.	NURLIYANA BINTI BAHARUDIN	1172724	970321335002	PESERTA
2.	NURATIKAH BINTI MOHD ZAWAWI	1172130	970920055424	PESERTA
3.	NUR SYAMIELIA BT MOHAMED DONIA	1172731	980922036154	PESERTA
4.	MUHAMMAD HAZIQ HAIKAL BIN MANSOR	1170528	980329036225	PESERTA
5.	SITI NURUL IMAN BINTI MAHAMUD	1170521	980110026022	PESERTA
6.	MUHAMMAD ARFUDDIEN BIN AZIZU	1170228	980705115219	<b>UNIT PENAJAAN DAN PENJANAAN</b>
7.	SITI NUR SYAFIQAH BINTI GAZALI	1171904	980208036018	
8.	FAIQAH ADAWIYAH BINTI YUSOFF	1170520	980421016024	PESERTA
9.	FATIN NUR NAJIA BINTI ABDUL SYUKUR	1170820	981121087458	PESERTA
10.	SITI NUR AISYAH BINTI MOHD ROBI	1170527	981014115388	<b>SETIAUSAHA</b>
11.	AZWEEN BINTI MOHD ROZMI	1170509	981124086346	<b>BENDAHARI</b>
12.	NUR FATIMAH KAMILAH BINTI MOHD RIDWAN	1170536	980805055452	PESERTA
13.	NUR AQILAH BINTI MOHD ASHARI	1170452	980709045190	PESERTA
14.	FARAH SYATIRA BT FIRDAUS	1170448	981119036264	PESERTA
15.	NURUL FATIHAH BINTI HAMZAH	1170440	981004015228	PESERTA
16.	NUR FAQIHAH NADHIRAH	1170473	980304107402	PESERTA

	BINTI AZIZ			
17.	NURUL ATIRAH BT NURADDIN	1171458	981015035136	PESERTA
18.	NOOR NAJIAH BINTI MOHD ASRI	1170274	980725035072	PESERTA
19.	NUR HUSNATUL NASIHAH BINTI JANATUL HABIB	1172163	971010055032	<b>UNIT AKTIVITI DAN PROGRAM</b>
20.	MUHAMMAD SYAHMI BIN HAMDAN	1170513	980515035197	PESERTA
21.	MUHAMMAD MUAZ BIN ABNI HAJAR	1170519	980223085897	PESERTA

Disediakan oleh,



**(SITI NUR AISYAH BINTI MOHD ROBI)**

Setiausaha

GISO Perdana Eksklusif 2020: Bright to Shine , Satun Thailand

No. Tel: 0179312043

Emel : aisyahrobi@raudah.usim.edu.my

Tarikh : 1 Mac 2020

Disemak oleh,



**(IRWAN EFFENDY BIN ABU BAKAR)**

Pegawai Pengiring

GISO Perdana Eksklusif 2020: Bright to Shine , Satun Thailand

Diperakukan oleh,

**(MD ISHAH RAHMAN)**

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)  
Universiti Sains Islam Malaysia